



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Pejabat Pendaftar
Aras 4, Blk. Selatan, Bangunan Canselori

Ruj. Kami :

UMS/PN 2.1/P5/2

Tarikh :

16 April 2001

BEG BERKUNCI NO. 2073
88999 KOTA KINABALU
SABAH

Tel. : 088-438440 samb. 1417
Faks: 6088-320243

E-mail: papenums@ums.edu.my

Laman web: <http://www.ums.edu.my>

PEKELILING PENDAFTAR BIL. 03/2001

Semua Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan/Unit
Sekolah/Pusat/Institut/Jabatan/Unit

YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan

CARTA ORGANISASI UMS

Merujuk kepada perkara yang di atas, bersama-sama ini saya sertakan carta tersebut untuk makluman dan tindakan pihak YBhg. Dato'/Datuk/Datin/tuan/puan.

Dimaklumkan bahawa carta tersebut telah diluluskan di dalam Mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PPU) pada 21 Mac 2001. Carta tersebut disusun adalah berasaskan kepada fungsi dan tanggungjawab Naib Canselor mengikut seksyen 12(1) Perlembagaan UMS [Naib Canselor hendaklah menjadi ketua eksekutif dan pegawai akademik bagi universiti].

Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (Ketua Eksekutif) dan Ketua Pegawai Akademik (pegawai akademik), Naib Canselor adalah dibantu oleh Jawatankuasa utama yang dinyatakan di dalam Perlembagaan iaitu **Senat** (mengikut seksyen 20(1)) dan **Pihak Berkuasa Pengurusan** (mengikut seksyen 48(4)).

Carta yang dikemukakan adalah merupakan carta fungsi, dan masih terdapat bahagian atau unit yang belum diwujudkan. Bahagian atau Unit berkenaan akan diwujudkan apabila Universiti mempunyai kakitangan yang mencukupi.

Sekian dan harap maklum. Terima kasih.

Yang ikhlas

HELA LADIN MOHD. DAHALAN

Pendaftar
b.p. Naib Canselor